

Headline	Hargai jasa orang awam		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	17 Oct 2012	Readership	1,981,000
Circulation	324,097	Color	Full Color
Section	Setempat	ArticleSize	334 cm ²
Page No	L-38	PR Value	RM 36,864
AdValue	RM 12,288		



Hargai jasa orang awam

Tiga dianugerah pangkat Asisten Komisioner Polis Kehormat

>>Oleh Zaltie Satibi

am@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Tiga individu yang mencurah bakti terhadap masyarakat terutama dalam usaha membanteras jenayah dan memainkan peranan penting dalam mewujudkan keselamatan negara diiktiraf Polis Diraja Malaysia (PDRM) apabila masing-masing dianugerah pangkat Asisten Komisioner Polis Kehormat, di sini, semalam.

Mereka ialah Profesor Sambilan di Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Pengerusi Majlis Peguam Pulau Pinang, Datuk V Sithambaran; peguam, Datuk Baljit Singh Balwant Singh dan Pengarah Urusan Sogo (KL) Department Store Sdn Bhd, Andrew Lim.

Anugerah itu disampaikan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar, dalam majlis ringkas di Mes Pegawai Kannan, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, di sini.

Dalam ucapannya, Ismail berkata, polis sentiasa berusaha sebaik yang boleh untuk menepati jangkaan orang ramai terhadap per-

khidmatan mereka, namun ke arah mencapai langkah pencegahan yang berkesan pihak berkuasa juga memerlukan kerjasama masyarakat.

"Pembabitan masyarakat bersama polis dalam aktiviti pencegahan bukan alasan untuk kami mengelak daripada tanggungjawab dan tugas kepolician."

"Tetapi, ia lebih menjurus kepada penggunaan strategi menyeluruh bagi mengurangkan peluang penjenayah bertindak sewenang-wenangnya," katanya.

Turut hadir, timbalannya, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Ismail berkata, jalinan kedua-dua pihak dalam mengoptimumkan usaha menu runkan kadar jenayah dan memperkasakan perkhidmatan polis kepada orang ramai adalah usaha murni yang wajar dicontohi kerana mene pati konsep komunikasi, kerjasama dan kreativiti.

"Justeru, anugerah ini di berikan bertujuan menghargai jasa dan pengorbanan yang dicurahkan dalam usaha membanteras jenayah termasuk sumbangan dan peranan dimainkan dalam mewujudkan keselamatan

serta keamanan negara.

"Pada masa sama, kami mengharapkan agar ia dapat menjadi pencetus atau memungkinkan semangat kepada yang lain untuk memberikan khidmat sama," katanya.


Sementara itu, Sithambaran dalam ucapan balas ber kata, mereka bertiga terharu dengan penganugerahan pangkat itu yang dianggap penghargaan yang amat tinggi dari PDRM.

"Anugerah ini juga kejutan buat kami dan penghargaan diberikan bukan titik noktah dalam kerja berbakti kepada masyarakat, sebaliknya kami akan terus memberi sokongan dan kerjasama kepada PDRM," katanya.

Sithambaran dan Baljit Singh tidak asing lagi dalam keluarga polis apabila mereka sering dijemput menyampaikan ceramah per undangan membolehkan pegawai muda menimba ilmu dan menambah pengetahuan dalam undang-undang.

Andrew pula sering membantu dalam pengajuran aktiviti polis bersama masyarakat di sekitar ibu kota dalam kempen pencegahan jenayah.

Headline	Hargai jasa orang awam		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Oct 2012	Language	Malay
Circulation	324,097	Readership	1,981,000
Section	Setempat	Color	Full Color
Page No	L-38	ArticleSize	334 cm ²
AdValue	RM 12,288	PR Value	RM 36,864



IKTIRAF...Ismail (dua dari kiri) bersama tiga penerima Asisten Komisioner Polis Kehormat (dari kiri) Baljit, Sithambaran dan Lim.